

Newspaper	Berita Harian
Date	21/3/2013

© KHAMIS 21 MAC 2013

BH

'Nur Misuari pembohong'

BH - 21/3/2013

» **Dakwaan MILF diperalat Malaysia tidak benar: Mohammad**

Oleh **Sophia Ahmad**
sophia@bharian.com.my

► **Kuala Lumpur**

Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) mengutuk Pengerusi Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF), Nur Misuari yang mendakwa pergerakan itu diperalatkan Malaysia.

Sambil menyifatkan Misuari sebagai pembohong, Ketua Sekretariat MILF, Mohammad Ameen, berkata pemimpin MNLF itu melakukan dosa besar kerana melemparkan berbagai tuduhan tidak berasas terhadap MILF dan Malaysia.

Beliau berkata, hakikatnya Malaysia memainkan peranan penting dalam penubuhan Persidangan Perpaduan Bangsamoro (BSC) pada 2002 untuk menyatukan MNLF dan MILF dengan kerjasama Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

"Ini kenyataan Misuari satu pembohongan yang amat ketara. Misuari berdosa besar atas kenyataan yang sangat tidak bertanggungjawab ini terhadap MILF dan Malaysia. Beliau patut menarik semula dan bertaubat atas dosa ini," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mohammad berkata demikian dalam reaksiya terha-



Lapan penganas **dibawa ke Ibu Pejabat Polis Lahad Datu.**

[FOTO EDMUND SAMUNTING/BH]



Penganas (berbaju ungu) sedia untuk **dibawa ke Mahkamah Tinggi Tawau, semalam.**

dap tohmahan Misuari pada temu ramah dengan stesen televisyen Al-Jazeera yang disiarkan di media Malaysia, kelmarin.

Dakwa KL penjajah

Dalam temu ramah itu, Misuari mendakwa MILF adalah alat penjajahan Malaysia, selain Kuala Lumpur menjajah Sabah dan Sarawak.

Dakwanya, perjanjian damai MILF dengan kerajaan Filipina yang dijangka dimuk-

tamadkan bulan depan juga helah Malaysia memperkuatkan pengaruhnya di Sabah.

Misuari dilaporkan berkata, Malaysia penghalang sebenar kepada usaha menyatukan MILF dan MNLF.

"Bagaimana Malaysia boleh dikatakan memanipulasi MILF sedangkan Sabah tidak pernah dijadikan sebahagian agenda rundingan damai sejak 2001," tanya Mohammad.

Beliau juga mengingatkan Misuari, Malaysia tidak pernah secara sukarela menawarkan diri menjadi jambatan ke-

pada rundingan damai antara kerajaan Filipina dan MILF.

"Malaysia hanya berbuat demikian apabila diminta Presiden Filipina ketika itu, Gloria Macapagal Arroyo yang mahu membuka semula pintu rundingan selepas dihentikan atas arahan bekas Presiden Joseph Estrada.

"Estrada mengisytiharkan perang terhadap MILF dan Arroyo ketika lawatan sulungnya ke Malaysia, secara peribadi meminta bantuan Malaysia (jadi orang tengah)," katanya.

Permintaan Filipina

Malaysia katanya, bersetuju atas permintaan itu sebagai menghormati hubungan baik dengan Filipina.

"Mengapa sekarang Misuari sibuk membuat kenyataan sedangkan sepanjang rundingan damai, beliau tidak pernah bersuara.

"Sebagai ketua, Misuari gagal membuktikan apa-apa. Lebih baik beliau berdiam diri, berehat dan menulis buku sambil membiarkan kepemimpinan baru menerajui Bangsamoro untuk aspirasi perjuangan sebenar," tegasnya.